

16 JAN 2002

Ghani-Penjaja

PBT JOHOR DIMINTA SEDIAKAN KEMUDAHAN GERAI KEKAL KEPADA PENJAJA

JOHOR BAHRU, 16 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini menyediakan kemudahan gerai-gerai yang kekal dan bersih kepada penjaja-penjaja di kawasan mereka.

Beliau berkata gerai yang dibina itu perlu dibina di suatu lokasi yang sesuai bagi keselesaan pengunjung dan dibekalkan dengan elektrik dan air.

"Pembinaan gerai-gerai yang kekal dan elok kepada penjaja penting memandangkan jumlah mereka yang ramai... tambahan pula, menikmati makanan di gerai-gerai telahpun menjadi budaya kebanyakan masyarakat negara ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam bahawa kerajaan akan membina gerai-gerai tetap untuk penjaja kecil di semua bandar seluruh negara bagi menaikkan taraf sosio-ekonomi golongan itu.

Dr Mahathir berkata pada masa yang sama, gerai-gerai sedia ada akan dinaikkan taraf bertujuan memastikan persekitarannya bersih dan teratur selain memastikan peniaga dan penjaja kecil di tepi jalan tidak terhapus.

Abdul Ghani berkata langkah menyediakan medan selera di kompleks beli-belah tidak mencukupi untuk menempatkan semua jumlah peniaga dan penjaja kecil di negeri ini.

"Kita perlu menyediakan kemudahan dalam bentuk warung atau gerai-gerai bagi memudahkan golongan ini mencari rezeki di samping membantu mengembangkan sektor pelancongan di negeri ini," katanya.

Menurutnya kerajaan negeri Johor sentiasa memastikan nasib penjaja dan peniaga kecil terjamin dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk menjalankan perniagaan.

"Kita juga akan memberikan tempoh yang sesuai dan panjang jika usaha memindahkan penjaja terpaksa dilakukan bagi tujuan pengubahsuaian atau pembangunan sosio-ekonomi negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

RAM NAK